

# Keburukan dan Kebajikan Amalan Manusia: Surah al-Baqarah (2: 174-177)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2019). "Keburukan dan Kebajikan Amalan Manusia: Surah al-Baqarah (2: 174-177)" in *Program Budaya al-Quran*. Siri 33 pada 31hb. Oktober 2019 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-26.

## Abstract

Menyembunyikan bukti kedatangan Nabi Muhammad SAW bagi memperoleh keuntungan dunia sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam kitab sebelum al-Quran merupakan salah satu keburukan yang sangat terkeji di sisi-Nya. Golongan ini akan disiksa oleh Allah SWT dengan dimasukkan ke dalam api nereka dan perut mereka juga dibakar dengan hasil daripada keuntungan yang diperoleh oleh mereka di dunia kerana menyembunyikan kebenaran tersebut. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 174-177) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima jenis keburukan dan empat jenis kebajikan yang dibincangkan. Lima jenis keburukan ialah keburukan syirik, keburukan yang menyebabkan siksaan api di dalam perut, keburukan yang menyebabkan Allah SWT tidak ingin melihat pelakunya, keburukan ahli kitab yang menyembunyikan benaran, dan keburukan sifat terkeji daripada golongan munafik. Mankala kebajikan pula ialah kebajikan dalam rukun iman, kebajikan dalam rukun Islam, kebajikan dalam rangka hubungan dengan manusia, dan kebajikan dengan bersifat dengan sifat akhlak terpuji. Kata Kunci: Syirik, dosa, ahli kitab, munafik, Iman, Islam, Akhlak Sosial, dan Akhlak Terpuji.

## References

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulallah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Khara'iti, Muhammad. 1985. *Al-Muntaqa min Kitab Makarim al-Akhlak wa Ma'aliha Mahmud Tara'quha (Tahqiq: Muhammad Muti' al-Hafiz, Ghazwah Badir)*. Ayman 'Abd al-Jabir Al-Bahiri (Ed.). Damsyiq, Suriyya: Dar al-Fikr.
- Al-Khara'iti, Muhammad. 1999. *Makarim al-Akhlak wa Ma'aliha Mahmud Tara'quha*. Ayman 'Abd al-Jabir Al-Bahiri (Ed.). Jld. 1. Al-Qahirah: Dar al-Afaq al-Arabiyyah.
- Al-Marwazi, Muhammad. 1986. *Ta'zim Qadr al-Solah*. 'Abd Al-Rahman 'Abd Al-Jabbar Al-Fariwa'i (Ed.). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Dar.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn Abi Yu'la, Ahmad 'Ali. 1984. *Musnad Abi Yu'la*. Husain Salim Asad (Ed.). Damsyiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1998. *Tafsir al-Quran al-A'zim (Tahqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din)*. Jld. Juz. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ibn Zanjawiyah, Hamid. 1986. *Al-Anwal (Tahqiq: Shakir Zayb Fayyad)*. al-Sa'udiyah al-'Arabiyyah: Markaz al-Malik Faysal li Buhuth wa al-Dirasah al-Islamiyyah.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Al-Baqarah (2: 6-16)*. Kertas Kerja dalam Siri 3: Program Budaya al-Quran. 2hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Surah al-Baqarah (2: 6-20)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Metode Pengajaran Terbaik untuk Golongan Fasiq: Surah al-Baqarah (2: 26-27)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018d. *Perumpamaan Indah Buat Sang Munafiq: Al-Baqarah (2: 17-20)*. Kertas Kerja dalam Siri 4: Program Budaya al-Quran. 9hb Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Kertas Kerja dalam Siri 33: Program Budaya al-Quran, 31hb Oktober 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Halalan Tayyiban Asas Pemakanan Islam: Surah al-Baqarah (2: 168-173)*. Kertas Kerja dalam Siri 32: Program Budaya al-Quran, 21hb Oktober 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Halalan Tayyiban Asas Pemakanan Islam: Surah al-Baqarah (2: 168-173)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

# KEBURUKAN DAN KEBAJIKAN AMALAN MANUSIA: SURAH AL-BAQARAH (2: 174-177)\*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Abstrak

*Menyembunyikan bukti kedatangan Nabi Muhammad SAW bagi memperoleh keuntungan dunia sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam kitab sebelum al-Quran merupakan salah satu keburukan yang sangat terkeji di sisi-Nya. Golongan ini akan disiksa oleh Allah SWT dengan dimasukkan ke dalam api nereka dan perut mereka juga dibakar dengan hasil daripada keuntungan yang diperoleh oleh mereka di dunia kerana menyembunyikan kebenaran tersebut. Artikel ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 174-177) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat lima jenis keburukan dan empat jenis kebajikan yang dibincangkan. Lima jenis keburukan ialah keburukan syirik, keburukan yang menyebabkan siksaan api di dalam perut, keburukan yang menyebabkan Allah SWT tidak ingin melihat pelakunya, keburukan ahli kitab yang menyembunyikan kebenaran, dan keburukan sifat terkeji daripada golongan munafik. Mankala kebajikan pula ialah kebajikan dalam rukun iman, kebajikan dalam rukun Islam, kebajikan dalam rangka hubungan dengan manusia, dan kebajikan dengan bersifat dengan sifat akhlak terpuji.*

**Kata Kunci:** Syirik, dosa, ahli kitab, munafik, Iman, Islam, Akhlak Sosial, dan Akhlak Terpuji.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتُرُونَ بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَئِكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلَّا النَّارَ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ ۖ فَمَا أَصْبَرَهُمْ عَلَى النَّارِ ﴿١٧٥﴾ ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ نَزَلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَإِنَّ الَّذِينَ اخْتَفَوْا فِي الْكِتَابِ لَفِي شِقَاقٍ بَعِيدٍ ﴿١٧٦﴾ لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُولُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ ۗ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

\*Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan Siri 33 di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 31hb. Oktober 2019 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

Maksud: Sesungguhnya orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab Suci yang diturunkan oleh Allah, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka, dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan Ia tidak membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (174) Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (agama Allah), dan (membeli) azab seksa neraka dengan meninggalkan keampunan Tuhan. Maka sungguh ajaib kesanggupan mereka menanggung seksa api neraka itu. (175) (Segala balasan yang buruk) itu adalah dengan sebab Allah menurunkan Kitab dengan mengandungi kebenaran (tetapi mereka berselisih padanya); dan sesungguhnya orang yang berselisihan mengenai (kebenaran) kitab, itu sebenarnya mereka adalah dalam keadaan berpecah-belah yang jauh (dari mendapat petunjuk hidayah Allah). (176) Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermnya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertaqwa. (177)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 174-177)

## PENGENALAN

Selepas Allah SWT menjelaskan tentang ciri makanan Islam yang berbentuk halal dan baik (Jasmi, 2019c, 2019d; Al-Sabuni, 1981), Allah SWT menjelaskan pula ciri keburukan dan kebajikan kepada umat manusia dalam kelakuan dan tindakan mereka (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019a, 2019b).

Ayat ini dibahagikan kepada dua bahagian tafsiran ayat, iaitu surah al-Baqarah (2: 174-176) dan al-Baqarah (2: 177). Pada bahagian akhir daripada tafsiran ayat akan dibincangkan pula pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat. Sebagai ingatan bahawa segala terjemahan ayat al-Quran dalam kertas kerja ini menggunakan terjemahan Abdullah Basmeih (1999), iaitu tafsir al-Quran Pimpinan al-Rahman terbitan Jabatan Perdana Menteri.

## TAFSIRAN AYAT

Dua bahagian ayat akan membincangkan tafsiran ayat yang terdiri daripada surah al-Baqarah (2: 174-176) dan surah al-Baqarah (2: 177).

### **Surah al-Baqarah (2: 174-176)**

Allah SWT menjelaskan antara keburukan tertinggi amalan manusia dalam kalangan ulama Yahudi ialah mereka menyembunyikan kebenaran yang diturunkan dalam kitab terdahulu selain sanggup mengambil keuntungan dunia berbanding keuntungan akhirat sedangkan keburukan tersebut menyebabkan mereka terseksa di dalam neraka Allah SWT yang bersifat kekal. Allah SWT berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتَرُونَ بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا  
 أُولَئِكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلَّا النَّارَ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا  
 يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَى  
 وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ ۖ فَمَا أَصْبَرَهُمْ عَلَى النَّارِ ﴿١٧٥﴾ ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ نَزَلَ الْكِتَابَ  
 بِالْحَقِّ وَإِنَّ الَّذِينَ اخْتَلَفُوا فِي الْكِتَابِ لَفِي شِقَاقٍ بَعِيدٍ ﴿١٧٦﴾

Maksud: Sesungguhnya orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab Suci yang diturunkan oleh Allah, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka, dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan Ia tidak membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (174) Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (agama Allah), dan (membeli) azab seksa neraka dengan meninggalkan keampunan Tuhan. Maka sungguh ajaib kesanggupan mereka menanggung seksa api neraka itu. (175) (Segala balasan yang buruk) itu adalah dengan sebab Allah menurunkan Kitab dengan mengandungi kebenaran (tetapi mereka berselisih padanya); dan sesungguhnya orang yang berselisihan mengenai (kebenaran) kitab, itu sebenarnya mereka adalah dalam keadaan berpecah-belah yang jauh (dari mendapat petunjuk hidayah Allah). (176)

(Surah al-Baqarah, 2: 174-176)

Imam Ibn al-Kathir (1998: 1/352) berkata bahawa Allah SWT berfirman Allah SWT tentang keburukan amalan manusia dalam kalangan Yahudi:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ

Maksud: Sesungguhnya orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab Suci yang diturunkan oleh Allah.

(Surah al-Baqarah, 2: 174)

Iaitu orang Yahudi yang menyembunyikan sifat dan ciri Nabi Muhammad SAW dalam kitab yang ada dalam tangan mereka, yang isinya antara lain mempersaksikan kerasulan dan kenabiannya. Lalu mereka dengan sengaja menyembunyikan hal tersebut agar kekuasaan mereka tidak lenyap, dan agar tidak lenyap pula hadiah dan upi yang biasa diberikan oleh orang Arab kepada mereka sebagai ungkapan rasa hormat orang Arab kepada datuk moyang mereka. Maka mereka merasa bimbang jika hal tersebut ditampakkan kepada orang, sehingga orang akan mengikutinya dan meninggalkan mereka. Oleh kerana itulah mereka menyembunyikan berita tersebut demi mempertahankan apa yang biasa mereka hasilkan dari cara mereka itu, iaitu harta duniawi yang sedikit; mereka rela menjual akidah mereka dengan hal tersebut. Dengan demikian, bererti mereka menukar hidayah perkara yang hak, membenarkan Rasul dan iman kepada apa yang

diturunkan kepadanya dari Allah SWT; dengan harta duniawi yang sedikit itu akhirnya kelak mereka akan kecewa dan mendapat kerugian dalam kehidupan dunia dan akhiratnya.

Kerugian mereka di dunia ialah kerana sesungguhnya Allah SWT menampakkan kepada para hamba-Nya kebenaran Rasul-Nya melalui apa yang ditegakkannya dan Allah SWT dengan membekalkannya dengan ayat yang jelas dan bukti yang mematahkan hujah mereka. Pada akhirnya orang yang mereka bimbangkan akan mengikutinya kini benar-benar mengikutinya, dan jadilah orang tersebut pembantu Rasul-Nya dalam memerangi mereka. Akhirnya mereka kembali dengan mendapat kemurkaan di atas kemurkaan. Allah SWT mencela perbuatan ahli Kitab ini bukan hanya pada satu tempat dari al-Quran-Nya, yang antara lain ialah ayat yang mulia ini, iaitu firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab Suci yang diturunkan oleh Allah, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka." (Surah *al-Baqarah*, 2: 174) Iaitu menukarnya dengan harta duniawi. Maka sesungguhnya apa yang mereka makan dari hasilnya itu hanyalah api belaka, sebagai balasan dari penyembunyian mereka terhadap perkara yang hak. Api itu kelak pada hari kiamat berkobar-kobar di dalam perut mereka. Sama halnya api yang marak di dalam perut kepada pemakan harta anak yatim sebagaimana firman Allah SWT berikut:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا  
وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala. (10)*

(Surah *al-Nisa'*, 4: 10)

Sifat api yang bernyala-nyala dalam perut juga ditimpakan kepada orang yang makan dalam bekas emas dan perak. Dalam sebuah hadis sahih disebutkan (Ibn Abi Yu'la, 1984: 6):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ: «إِنَّ الَّذِي يَشْرَبُ فِي آنِيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ  
إِنَّمَا يُجْرَجُ فِي بَطْنِهِ نَارَ جَهَنَّمَ.»

Maksud: *Ibn 'Abbas RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya orang yang makan atau minum dengan memakai wadah dari emas dan perak tiada lain hanyalah menegukkan (menelankan) ke dalam perutnya api neraka Jahannam.*

(Ibn Abi Yu'la)

Seterusnya, firman Allah SWT menjelaskan lebih lanjut golongan Yahudi ini pada hari kiamat dengan firman-Nya:

وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾

Maksud: *Dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan Ia tidak membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (174)*

(Surah al-Baqarah, 2: 174)

Dikatakan demikian kerana Allah SWT murka kepada mereka disebabkan mereka menyembunyikan perkara hak yang mereka ketahui. Untuk itu mereka berhak mendapat kemurkaan-Nya, dan Allah SWT tidak mahu melihat mereka. *Wala yuzakkihim* (وَلَا يُزَكِّيهِمْ), iaitu Allah SWT tidak mahu menyebut dan memuji nama mereka, bahkan Allah SWT mengazab mereka dengan siksa yang amat pedih. Golongan yang Allah SWT tidak mahu melihat dan berjumpa pada hari hisab ini termasuk dalam tiga golongan yang lain yang disebutkan dalam sabdaan Rasulullah SAW dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA (Muslim, t.th.: 107):

ثَلَاثَةٌ لَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ، وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ: شَيْخٌ زَانٍ، وَمَلِكٌ كَذَّابٌ، وَعَائِلٌ مُسْتَكْبِرٌ.

Maksud: *Ada tiga macam orang, Allah tidak akan berbicara kepada mereka dan tidak akan melihat mereka, serta tidak akan menyucikan mereka, dan bagi mereka siksa yang amat pedih, iaitu rang tua yang berbuat zina, raja pendusta, dan orang miskin yang takabur.*

(Muslim)

Kemudian Allah SWT menjelaskan lebih lanjut kedudukan golongan Yahudi ini dengan firman-Nya:

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَى

Maksud: *Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (agama Allah),*

(Surah al-Baqarah, 2: 175)

Iaitu mereka menukar petunjuk dengan kesesatan. Yang dimaksud dengan petunjuk ialah menyiarkan berita yang terdapat dalam kitab mereka menyangkut sifat Rasulullah SAW perihal kerasulannya dan berita gembira kedatangannya, perintah mengikutinya dan percaya kepadanya; hal ini disebutkan dalam kitab nabi terdahulu. Yang dimaksud dengan kesesatan ialah mendustakan Nabi SAW, mengingkarinya, dan menyembunyikan sifatnya yang ada dalam kitab mereka. Seolah-olah mereka ini:

وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ

Maksud: *Dan (membeli) azab seksa neraka dengan meninggalkan keampunan Tuhan.*

(Surah al-Baqarah, 2: 175)

Maksudnya, mereka menukar keampunan Allah SWT dengan siksa-Nya, iaitu penyebab keampunan mereka tukar dengan penyebab siksa. Allah SWT menjelaskan kepelikan golongan ini yang sanggup ditimpakan azab yang mereka sendiri sudah tahu akibatnya. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh-Nya dalam firman-Nya:

﴿فَمَا أَصْبَرَهُمْ عَلَى النَّارِ﴾

Maksud: *Maka sungguh ajaib kesanggupan mereka menanggung seksa api neraka itu. (175)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 175)

Allah menceritakan bahawa mereka berada dalam siksa yang keras lagi besar dan mengerikan, hingga membuat orang yang melihat mereka merasa takjub dengan keberanian mereka dalam menanggung siksa tersebut, padahal kerasnya siksaan yang mereka alami tidak terperikan dan semuanya berlindung kepada Allah SWT dari siksaan seperti itu.

Menurut pendapat yang lain berhubung dengan makna firman Allah SWT yang bermaksud, “Maka sungguh ajaib kesanggupan mereka menanggung seksa api neraka itu.” (175) (Surah *al-Baqarah*, 2: 175) Disebutkan bahawa makna yang dimaksud ialah alangkah beraninya mereka kekal dalam mengerjakan kemaksiatan, padahal kemaksiatan itu menjerumuskan mereka ke dalam neraka.

Selepas itu, Allah SWT menjelaskan dengan lebih lanjut sifat golongan ini dengan firman-Nya:

﴿ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ نَزَّلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ﴾

Maksud: *(Segala balasan yang buruk) itu adalah dengan sebab Allah menurunkan Kitab dengan mengandungi kebenaran (tetapi mereka berselisih padanya). (176)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 176)

Iaitu sesungguhnya mereka berhak mendapat siksa yang keras ini, tiada lain kerana Allah SWT menurunkan kepada Rasul-Nya Nabi Muhammad SAW dan juga kepada nabi sebelumnya dengan kitab-Nya yang membuktikan perkara hak dan menyalahkan perkara yang batil. Sedangkan mereka menjadikan ayat Allah SWT sebagai bahan untuk mengolok-olokannya. Kitab ahli Kitab ini memerintahkan kepada mereka untuk menyampaikan ilmu dan menyebarkannya, tetapi mereka menentangnya dan mendustakannya. Hal yang sama dialami pula oleh penutup para rasul, iaitu Nabi Muhammad SAW. Baginda SAW menyeru ahli Kitab ini kepada Allah SWT, memerintahkan perkara yang makruf, serta melarang mereka melakukan perbuatan yang mungkar; tetapi mereka mendustakannya, menentangnya, mengingkari, dan menyembunyikan cirinya. Perbuatan mereka sama dengan memperolok-olokkan ayat Allah SWT yang diturunkan kepada para Rasul-Nya. Oleh sebab itu, mereka berhak mendapat azab dan balasan yang setimpal. Oleh kerana itulah Allah SWT berfirman:



ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ نَزَلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَإِنَّ الَّذِينَ اخْتَلَفُوا فِي الْكِتَابِ لَفِي شِقَاقٍ

بَعِيدٍ ﴿١٧٦﴾

Maksud: (Segala balasan yang buruk) itu adalah dengan sebab Allah menurunkan Kitab dengan mengandung kebenaran (tetapi mereka berselisih padanya); dan sesungguhnya orang yang berselisihan mengenai (kebenaran) kitab, itu sebenarnya mereka adalah dalam keadaan berpecah-belah yang jauh (dari mendapat petunjuk hidayah Allah). (176)

(Surah al-Baqarah, 2: 174-176)

Ringkasnya, ulama Yahudi sanggup untuk disiksa dalam neraka disebabkan kelakuan mereka yang buruk, iaitu menyembunyikan kebenaran tentang Nabi Muhammad SAW sedangkan mereka mengetahui bahawa tanpa mereka beriman kepada Nabi Muhammad dan mengikuti ajarannya, mereka tergolong dalam golongan orang yang kafir dan akan mendapat azab yang kekal abadi.

### Surah al-Baqarah (2: 177)

Selepas Allah SWT menjelaskan secara mendalam perkara keburukan daripada amalan para ulama Yahudi, Allah SWT menjelaskan pula perkara kebajikan dalam tindakan dan amalan manusia yang sangat digalakkan dan memberi pahala. Firman-Nya:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَى  
وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى  
الزَّكَاةَ وَالْمُؤْفِقُونَ بَعَثَهُمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ  
الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

Maksud: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertaqwa. (177)

(Surah al-Baqarah, 2: 177)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1998: 1/354), ayat yang mulia ini mengandung kalimah yang agung, kaidah yang luas, dan akidah yang lurus. Hal ini demikian sebagaimana yang disebutkan dalam hadis berikut (Ibn Abi Hatim, 1998: 1539):

عَنْ أَبِي ذَرٍّ، أَنَّهُ سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ: «مَا الْإِيمَانُ؟» فَتَلَا عَلَيْهِ: ﴿لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ﴾ إِلَى آخِرِ الْآيَةِ. ثُمَّ سَأَلَهُ أَيُّضًا، فَتَلَاهَا عَلَيْهِ. ثُمَّ سَأَلَهُ أَيُّضًا فَقَالَ: «إِذَا عَمِلْتَ حَسَنَةً أَحَبَّهَا قَلْبُكَ، وَإِذَا عَمِلْتَ سَيِّئَةً أَبْغَضَهَا قَلْبُكَ.»

Maksud: *Abu Dharr RA menceritakan bahawa ia pernah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang iman, "Apakah yang dinamakan iman itu?" Maka Rasulullah SAW membacakan kepadanya firman Allah SWT yang bermaksud, "Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat... hingga akhir ayat (Surah al-Baqarah, 2: 177). Setelah itu Abu Dharr kembali bertanya dan Rasulullah SAW membacakan lagi ayat ini kepadanya. Kemudian Abu Dharr bertanya lagi, maka Rasulullah SAW menjawab, "Apabila kamu hendak mengerjakan suatu kebaikan, maka buatlah hatimu cinta kepadanya; dan apabila kamu hendak melakukan suatu keburukan, maka buatlah hatimu benci kepadanya."*

(Ibn Abi Hatim)

Namun hadis ini berkedudukan sebagai hadis munqati', iaitu terputus salsilah sanadnya disebabkan Imam Mujahid sebenarnya belum pernah bersua dengan sahabat Abu Dharr kerana Abu Dharr meninggal dunia di masa sebelumnya. Namun hadis ini disokong dengan athar dan hadis yang lain, iaitu (Al-Marwazi, 1986: 408):

عَنِ الْقَاسِمِ قَالَ: «جَاءَ رَجُلٌ إِلَى أَبِي ذَرٍّ فَسَأَلَهُ عَنِ الْإِيمَانِ، فَقَرَأَ ﴿لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قَبْلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ﴾ إِلَى قَوْلِهِ ﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ﴾ قَالَ الرَّجُلُ: «لَيْسَ عَنِ الْبِرِّ سَأَلْتُكَ.» فَقَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَسَأَلَهُ عَنِ الَّذِي سَأَلْتَنِي عَنْهُ، فَقَرَأَ عَلَيْهِ الَّذِي قَرَأْتُ عَلَيْكَ، فَقَالَ لَهُ الَّذِي قُلْتُ لِي، فَلَمَّا أَبِي أَنْ يَرْضَى قَالَ لَهُ: «إِنَّ الْمُؤْمِنَ الَّذِي إِذَا عَمِلَ الْحَسَنَةَ سَرَّتْهُ، وَرَجَا نَوَابَهَا، وَإِذَا عَمِلَ السَّيِّئَةَ سَاءَتْهُ وَخَافَ عِقَابَهَا.»

Maksud: *Al-Qasim berkata, "Ada seorang lelaki datang kepada sahabat Abu Dharr, lalu lelaki itu bertanya, "Apakah iman itu?" Kemudian Abu Dharr membacakan kepadanya ayat berikut yang bermaksud, "Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat." (Surah al-Baqarah, 2: 177), hingga akhir ayat. Kemudian lelaki itu berkata, "Yang kutanyakan kepadamu bukanlah masalah kebajikan." Maka Abu Dharr RA menceritakan kepadanya bahawa ada seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW, lalu menanyakan kepadanya seperti pertanyaan yang baru kamu ajukan kepadaku, maka Baginda SAW membacakan ayat ini kepadanya. Akan tetapi, lelaki itu masih kurang puas sebagaimana kamu kurang puas. Maka akhirnya Rasulullah SAW bersabda kepadanya dan mengisyaratkan dengan tangannya, "Orang Mukmin itu apabila melakukan suatu kebaikan, ia merasa gembira dan mengharapkan pahalanya; dan apabila dia mengerjakan suatu keburukan (dosa), maka hatinya sedih dan takut akan siksaannya."*

(Al-Marwazi)

Hadis ini juga berkedudukan munqati'. Pembahasan mengenai tafsir ayat ini ialah, "Sesungguhnya Allah SWT setelah memerintahkan kepada orang Mukmin pada mulanya untuk menghadap ke arah Baitulmuqaddis, lalu Allah SWT memalingkan mereka ke arah Kaabah, maka hal tersebut terasa berat oleh segolongan Ahli Kitab dan sebahagian kaum Muslim, Maka Allah SWT menurunkan penjelasan hikmah yang terkandung dalam hal tersebut. Yang isinya berisikan bahawa tujuan utama dari hal tersebut tiada lain melainkan kerana ketaatan kepada Allah SWT dan mengerjakan perintah-Nya dengan patuh, serta menghadap ke arah mana yang dikehendaki-Nya dan mengikuti apa yang disyariatkan-Nya.

Demikianlah makna kebajikan, takwa, dan iman yang sempurna; dan kebajikan serta ketaatan itu tidak ada kaitannya sama sekali dengan kepatuhan menghadap ke arah timur atau barat, jika bukan kerana perintah Allah SWT dan syariatnya. Oleh kerana itulah maka Allah SWT berfirman:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَى  
وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنَى السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى  
الزَّكَاةَ وَالْمُؤْفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ  
الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

Maksud: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermannya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang yang bertaqwa. (177)

(Surah al-Baqarah, 2: 177)

Ayat ini seperti yang disebutkan juga oleh Allah SWT dalam masalah korban, iaitu firman-Nya:

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومَهَا وَلَا دِمَآؤَهَا وَلَكِنَّ يَنَالُهُ التَّقْوَى مِنْكُمْ

Maksud: *Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu.*

(Surah *al-Hajj*, 22: 37)

Ibnu Abbas berkata berhubung dengan makna ayat ini, bahawa kebajikan itu bukanlah kamu melakukan solat tetapi tidak beramal. Hal ini diturunkan ketika Nabi SAW hijrah dari Mekah ke Madinah, dan diturunkan hukum fardu dan hukum hudud, maka Allah SWT memerintahkan mereka untuk mengerjakan fardu dan mengamalkannya.

Abu al-'Aliyah menyatakan bahawa orang Yahudi menghadap ke arah barat, dan orang Nasrani menghadap ke arah timur. Maka Allah SWT menurunkan firman Allah SWT yang bermaksud, "*Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak Timur dan Barat.*" (Surah *al-Baqarah*, 2: 177) Apa yang dibahas oleh ayat ini adalah iman dan hakikatnya, iaitu pengalamannya.

Mujahid menyatakan, "Kebajikan yang sesungguhnya ialah ketaatan kepada Allah SWT yang meresap ke dalam hati."

Al-Dahhak menyatakan bahawa kebajikan dan ketakwaan itu ialah bila kamu menunaikan fardu sesuai dengan ketentuannya.

Al-Sawri menyatakan berhubung dengan takwil firman Allah SWT yang bermaksud, "tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat." (Surah *al-Baqarah*, 2: 177), hingga akhir ayat. Semua yang disebutkan oleh ayat ini merupakan aneka ragam kebajikan.

Memang benarlah apa yang dikatakan oleh Imam Sawri ini, kerana sesungguhnya orang yang memiliki sifat seperti yang disebutkan oleh ayat ini bererti dia memasukkan dirinya ke dalam ikatan Islam secara keseluruhan dan mengamalkan semua kebaikan secara menyeluruh, iaitu iman kepada Allah SWT dan tidak ada Tuhan yang wajib disembah selain Dia, juga beriman kepada para malaikat yang merupakan duta antara Allah SWT dan para rasul-Nya.

Wa al-kitabi (وَالْكِتَابِ), merupakan *isim jins* yang pengertiannya mencakup semua kitab yang diturunkan dari langit kepada para nabi hingga diakhiri dengan yang paling mulia antara semuanya, iaitu kitab al-Quran yang isinya mencakup semua kitab sebelumnya, berakhir padanya semua kebaikan, serta mengandungi semua kebahagiaan di dunia dan akhirat. Dengan diturunkan-Nya al-Quran, maka *dinasakhlah* semua kitab sebelumnya, dalamnya terdapat anjuran beriman kepada semua nabi Allah SWT dari permulaan hingga yang paling akhir, iaitu Nabi Muhammad SAW.

Selepas itu, Allah SWT berfirman pula:

وَأَتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ

Maksud: *Dan mendermannya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 177)

Iaitu mengeluarkannya, sedangkan dia mencintainya dan berhasrat kepadanya. Demikianlah menurut pendapat Ibnu Mas'ud, Sa'id bin Jubair, dan lain-lainnya dalam kalangan ulama Salaf dan Khalaf, seperti yang disebutkan dalam hadis sahihain dari hadis Abu Hurairah secara marfu', iaitu (Al-Bukhari, 2001: 1419; Muslim, t.th.: 1032):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: «جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الصَّدَقَةِ أَعْظَمُ أَجْرًا؟» قَالَ: «أَنْ تَصَدَّقَ وَأَنْتَ صَحِيحٌ تَخْشَى الْفَقْرَ، وَتَأْمُلُ الْغِنَى.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Seorang lelaki datang dan bertanya kepada Nabi SAW, "Wahai Rasulullah! Sedekah apa yang paling besar ganjarannya? Baginda SAW menjawab, "Sedekah yang paling utama ialah bila kamu mengeluarkannya, sedangkan kamu dalam keadaan sihat lagi kedekut, takut jatuh miskin, dan bercita-cita ingin kaya.*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Seterusnya, Allah SWT berfirman:

وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَى حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾ إِنَّمَا نَطْعِمُكُمْ لَوَجْهِ اللَّهِ لَنُرِيدَ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكْرًا ﴿٩﴾

Maksud: *Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan, (8) (Sambil berkata dengan lidah atau dengan hati), "Sesungguhnya kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata; kami tidak berkehendakkan sebarang balasan dari kamu atau ucapan terima kasih, (9)*

(Surah al-Insan, 76: 8-9)

Kenyataan yang hampir sama dalam firman-Nya:

لَن تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ﴿٤٤﴾

Maksud: *Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi.*

(Surah Ali Imran, 3: 92)

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

وَيُؤْتُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ﴿٩٠﴾

Maksud: *Dan mereka juga mengutamakan orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat.*

(Surah al-Hasyr, 59: 9)

Apa yang disebutkan oleh ketiga ayat di atas merupakan jenis lain dari cara bersedekah yang lebih tinggi kedudukannya daripada yang disebutkan oleh ayat ini (Surah al-Baqarah, 2: 177). Hal demikian itu kerana mereka lebih mengutamakan diri orang lain daripada diri mereka sendiri, padahal mereka sangat memerlukannya, tetapi mereka tetap

memberikannya dan memberi makan orang lain dari harta yang mereka sendiri mencintai dan memerlukannya.

Apa yang dimaksud dengan *zaw al-Qurba* (ذَوِي الْقُرْبَى) dalam ayat ini ialah kaum kerabat lelaki yang bersangkutan, mereka adalah orang yang lebih utama untuk diberi sedekah. Seperti yang ditetapkan dalam hadis sahih, iaitu (Ibn Zanjawiyyah, 1986: 1340; Al-Khara'iti, 1985: 118; 1999: 282):

عَنْ سَلْمَانَ بْنِ رَبِيعَةَ الضَّبِّيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: الصَّدَقَةُ عَلَى الْمَسَاكِينَ صَدَقَةٌ وَهِيَ عَلَى ذِي الرَّحِمِ ثِنْتَانِ صَدَقَةٌ وَصَلَةٌ.

Maksud: *Salman bin Rabi'ah al-Dabbisy RA* berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sedekah kepada orang miskin adalah suatu sedekah, dan sedekah kepada kerabat merupakan dua amal, iaitu sedekah dan silaturahmi.

(Ibn Zanjawiyyah dan al-Khara'iti)

Allah SWT memerintahkan untuk berbuat baik kepada kaum kerabat, hal ini diutarakan-Nya bukan hanya pada satu tempat dari kitab-Nya.

*Wa al-yatama* (وَالْيَتَامَى), yang dimaksud dengan yatim ialah mereka yang tidak mempunyai penghasilan, sedangkan bapa mereka meninggal dunia, mereka dalam keadaan lemah, masih kecil, dan berusia di bawah usia baligh serta belum mampu mencari mata pencarian. Kenyataan berdasarkan hujah hadis yang ada menyatakan (Al-Bazzar, 2009: 6243):

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لَا يُتَمَّ بَعْدَ حُلْمٍ.

Maksud: *Anas RA* menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Tiada yatim lagi sesudah usia baligh.

(Al-Bazzar)

*Wa al-masakin* (وَالْمَسَاكِينَ), ialah mereka adalah orang yang tidak dapat memperoleh apa yang mencukupi untuk keperluan hidup mereka seharian. Untuk itu mereka diberi apa yang dapat memenuhi keperluan mereka. Dalam hadis ada menyatakan (Al-Bukhari, 2001: 1479; Muslim, t.th.: 1039):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «لَيْسَ الْمِسْكِينُ بِهَذَا الطَّوْفِ الَّذِي يَطُوفُ عَلَى النَّاسِ، فَتَرُدُّهُ اللَّقْمَةُ وَاللُّقْمَتَانِ، وَالتَّمْرَةُ وَالتَّمْرَتَانِ» قَالُوا، فَمَا الْمِسْكِينُ؟ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: «الَّذِي لَا يَجِدُ غِنَى يُغْنِيهِ، وَلَا يُفْطِنُ لَهُ، فَيَتَصَدَّقَ عَلَيْهِ، وَلَا يَسْأَلُ النَّاسَ شَيْئًا.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA* menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Orang miskin itu bukanlah orang yang suka berkeliling (meminta-minta) yang pergi setelah diberi sesuap atau dua suap makanan atau sebutir atau dua butir kurma. Para sahabat bertanya, "Kalau begitu apa maksud miskin wahai Rasulullah?" Baginda bersabda, "Orang miskin

yang sesungguhnya ialah orang yang tidak mendapatkan apa yang mencukupinya, dan pula keadaan dirinya tidak diketahui (sebagai orang miskin) hingga mudah diberi sedekah.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Apa yang dimaksudkan dengan *ibn al-sabil* (ابن السَّبِيل) ialah orang musafir jauh yang kehabisan bekalnya, untuk itu dia harus diberi bekal yang dapat memulangkannya ke tempat tinggalnya. Demikian pula halnya orang yang akan mengadakan perjalanan untuk tujuan ketaatan, ia boleh diberi bekal yang mencukupinya buat pulang pergi. Termasuk juga dalam pengertian *ibn al-sabil* ialah tamu, seperti yang dikatakan oleh Ibnu Abbas yang menyatakan, “*Ibn al-sabil* ialah tamu yang menginap dalam kalangan orang Muslim.”

*Wa al-sailina* (وَالسَّائِلِينَ), mereka adalah orang yang merelakan dirinya meminta-minta, maka mereka diberi dari sebahagian harta zakat dan sedekah. Hal ini sepertimana yang disebutkan dalam satu hadis (Abu Dawud, 2009: 1665):

عَنْ حُسَيْنِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لِلسَّائِلِ حَقٌّ، وَإِنْ جَاءَ عَلَى فَرَسٍ.»

Maksud: *Abd al-Rahman*, (iaitu Husain bin Ali) berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Orang yang meminta-minta mempunyai hak (untuk diberi), sekalipun dia datang dengan berkenderaan kuda.

(Abu Dawud)

*Al-Riqab* (الرِقَاب), mereka adalah hamba mukatab yang tidak menemukan apa yang mereka jadikan untuk melunasi transaksi kemerdekaannya.

Fatimah binti Qais menyatakan bahawa ia pernah bertanya kepada Rasulullah SAW, “Apakah pada harta benda terdapat kewajiban selain zakat?” Maka beliau membacakan ayat berikut kepadanya, iaitu firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 177). Kenyataan ini berdasarkan hujah hadis berikut (Ibn Majah, 2009: 1789):

عَنْ فَاطِمَةَ بِنْتِ قَيْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّهَا سَمِعَتْهُ تَعْنِي النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ: «لَيْسَ فِي الْمَالِ حَقٌّ سِوَى الزَّكَاةِ»

Maksud: *Fatimah binti Qais* yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, “Dalam harta benda terdapat kewajiban selain zakat.”

(Ibn Majah)

Firman Allah SWT, *Wa-aqamas solah* (وَأَقَامَ الصَّلَاةَ) yang bermaksud, “Dan mendirikan solat pada waktunya masing-masing dengan menyempurnakan segala rukun dan adab serta khusyuknya, iaitu sesuai dengan perintah syariat yang diredai. Manakala firman Allah SWT, *Wa ata al-zakata* (وَأَتَى الزَّكَاةَ), iaitu “dan menunaikan zakat,” tetapi dapat pula diinterpretasikan dengan pengertian membersihkan jiwa dan membebaskannya dari akhlak yang rendah lagi kotor, seperti pengertian yang terkandung dalam firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

Maksud: *Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.*

(Surah *al-Shams*, 91: 9-10)

Ucapan Musa AS kepada Firaun yang dipetik oleh firman Allah SWT:

فَقُلْ هَلْ لَكَ إِلَهٌ إِلَّا أَن تَرْكَبَ ۖ وَأَهْدِيكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخْشَىٰ ۝١٩

Maksud: *Serta katakanlah kepadanya: 'Adakah engkau suka hendak mensucikan dirimu (dari kekufuran)? (18) Dan mahukah, aku tunjuk kepadamu jalan mengenal Tuhanmu, supaya engkau merasa takut (melanggar perintah-Nya)? ' ' (19)*

(Surah *al-Nazi'at*, 79: 18-19)

Firman Allah SWT yang menyatakan:

وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ۝٦ الَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ الزَّكَاةَ

Maksud: *Dan (ingatlah), kecelakaan besar bagi orang yang mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu yang lain), (6) "Iaitu orang yang tidak memberi zakat (untuk membersihkan jiwa dan hartabendanya)*

(Surah *Fussilat*, 41: 6-7)

Dapat pula diertikan zakat harta benda, seperti yang dikatakan oleh Sa'id bin Jubair dan Muqatil bin Hayyan. Dengan demikian, bererti hal yang disebutkan sebelumnya, iaitu memberikan sebahagian harta kepada golongan yang disebutkan hanyalah dianggap sebagai amalan sunat, kebajikan, dan silatulrahim. Sebagai dalilnya ialah hadis Fatimah binti Qais yang disebutkan (Ibn Majah, 2009: 1789), iaitu yang menyatakan bahawa pada harta benda terdapat kewajiban selain zakat.

Selepas itu Allah SWT berfirman:

وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا

Maksud: *Dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 177)

Ayat ini semakna dengan firman Allah SWT:

الَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يَنْقُضُونَ الْمِيثَاقَ ۝٢٠

Maksud: *Orang yang menyempurnakan perjanjian Allah dan tidak merombak (mencabuli) perjanjian yang diperteguhkan itu; - (20)*



(Surah *al-Ra'd*, 13: 20)

Lawan daripada sifat ini adalah sifat munafik. Seperti yang disebutkan dalam hadis sahih, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 33, 2682, 2749, 6095; Muslim, t.th.: 59):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Pertanda munafik itu ada tiga, iaitu, apabila bicara, berdusta; apabila berjanji ingkar; dan apabila diamanahkan, berkhianat."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis lainnya disebutkan seperti berikut pula (Al-Bukhari, 2001: 34, 2459, 3178; Muslim, t.th.: 58):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَرْبَعٌ خِلَالٍ مَنْ كُنَّ فِيهِ كَانَتْ مُنَافِقًا خَالِصًا: مَنْ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا عَاهَدَ غَدَرَ، وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ، وَمَنْ كَانَتْ فِيهِ خِصْلَةٌ مِنْهُنَّ كَانَتْ فِيهِ خِصْلَةٌ مِنَ التَّفَاقِ حَتَّى يَدَعَهَا "

Maksud: *'Abdullah bin Amr RA berkata, "Rasulullah SAW, "Empat perkara siapa yang ada padanya, dia munafik sebenar, "Apabila berbicara, berdusta; apabila berjanji, merusak (janjinya); dan apabila bersengketa, berbuat curang. Sesiapa yang ada salah satu daripada ciri ini, maka dia sebahagian sifat nifak sehingga dia meninggalkannya."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Seterusnya, Allah SWT:

وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ

Maksud: *Dan ketabahan orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 177)

Apa yang dimaksud dengan *al-ba'sa'* (الْبَأْسَاءِ) ialah dalam keadaan miskin dan fakir, sedangkan yang dimaksud dengan *al-darra'* (الضَّرَّاءِ) ialah dalam keadaan sakit dan kesusahan. Yang dimaksud dengan *hin al-ba'sa'* (حِينَ الْبَأْسِ) ialah ketika peperangan sedang berkecamuk. Demikianlah menurut pendapat Ibnu Mas'ud, Ibnu Abbas, Abu al-Murrah al-Hamdani, Mujahid, Sa'id bin Jubair, al-Hasan, Qatadah, al-Rabi' bin Anas, al-Suddi, Muqatil bin Hayyan, Abu Malik, Ad-Dahhak, dan lain-lainnya.

Sesungguhnya lafaz al-sabirin (الصَّابِرِينَ) dinasabkan kerana mengandungi pujian terhadap sikap sabar dan sekali gus sebagai anjuran untuk bersikap sabar dalam situasi seperti itu, mengingat situasinya sangat keras lagi sulit. Untuk itu, Allah SWT menyambung firman-Nya bagi menjelaskan golongan ini di sisi-Nya:

أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا

Maksud: Mereka itulah orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan).

(Surah al-Baqarah, 2: 177)

Maksudnya, mereka yang memiliki sifat ini adalah orang yang benar imannya, kerana mereka merealisasikan iman hati dengan ucapan dan amal perbuatan; maka mereka itulah orang yang benar. Mereka itulah orang yang bertakwa, kerana mereka memelihara dirinya dari hal yang diharamkan dan mengerjakan semua amal ketaatan.

## PENGAJARAN AYAT

Terdapat jenis keburukan dan jenis kebajikan dalam amalan manusia yang dibincangkan dalam tafsiran ayat yang boleh diambil pengajaran kepada umat manusia khususnya umat Islam.

### Jenis Keburukan

Umat manusia dan umat Islam perlu mengetahui, memahami, dan menjauhi pelbagai jenis keburukan yang menyebabkan mereka terkeluar daripada kebenaran, Islam, dan jalan yang lurus serta menyebabkan mereka dilemparkan ke dalam neraka dan disiksa dengan siksaan yang khusus.

#### *Keburukan Syirik*

Mengadakan bagi Allah SWT perkara yang diserupa dan disyirikkan. Dosa ini merupakan dosa besar yang tertinggi (surah *al-Nazi'at*, 79: 18-19; surah *Fussilat*, 41: 6).

#### *Keburukan yang Menyebabkan Seseorang Diazab Api Bersemarak di dalam Perut*

Beberapa jenis keburukan yang menyebabkan manusia mendapat dosa dan diazab oleh Allah SWT di dalam neraka, selain perut mereka juga dibakar dengan api dengan makanan yang mereka makan. Dosa tersebut ialah:

- (1) Orang yang menyembunyikan kebenaran yang terdapat dalam Kitab yang diturunkan oleh Allah SWT sama ada Taurat, Injil, dan al-Quran. Mereka yang menyembunyikan itu pula bertujuan untuk mendapat keuntungan di dunia (surah *al-Baqarah*, 2: 174).
- (2) Orang yang memakan harta anak yatim secara zalim (surah *al-Nisa'*, 4: 10).
- (3) Orang yang makan dan minum dengan menggunakan bekas makanan dan minuman yang diperbuat daripada emas dan perak (Ibn Abi Yu'la, 1984: 6).

Tiga jenis kejayatan ini akan dibalas oleh Allah SWT di dalam neraka dengan tambahan azab dengan menjadikan makanan yang dimakan daripada jenis kesalahan ini akan menjadi api yang marak di dalam perut mereka.

### ***Keburukan yang Sangat Keji Sehingga Allah SWT Tidak Mahu Melihatnya***

Melakukan keburukan yang sangat keji di sisi Allah SWT. Kejinya keburukan ini sehingga Allah SWT tidak mahu langsung untuk melihat manusia ini ketika dihisab olehnya kerana perbuatan mereka di sisi-Nya merupakan perbuatan yang sangat memalukan. Mereka juga tidak diampunkan dosa mereka dan mereka akan diazab dengan azab yang pedih. Dosa tersebut terdiri daripada berikut:

- (1) Orang tua yang berzina.
- (2) Pemimpin yang suka berbohong.
- (3) Orang miskin yang sombong.

Ketiga-tiga jenis kejahatan, iaitu zina, bohong, dan sombong merupakan dosa yang besar di sisi Allah SWT. Namun, ketika dosa ini dilakukan oleh orang tua, pemimpin, dan orang miskin, maka perlakuan dosa ini dianggap datang daripada seseorang yang sebenarnya tidak wajar sama sekali.

### ***Keburukan Ahli Kitab dan Pembalasan Buat Mereka***

Ahli Kitab dalam kalangan Yahudi dan Nasrani perlu mengetahui dan memahami kenyataan al-Quran tentang kejahatan mereka tentang kelakuan mereka dari segi:

- (1) Menyembunyikan kebenaran Nabi Muhammad SAW (Surah *al-Baqarah*, 2: 174).
- (2) Meminda dan mengubah isi kitab Taurat dan Injil khususnya tentang Nabi Muhammad SAW (Surah *al-Baqarah*, 2: 174).
- (3) Perlakuan mereka semata-mata ingin mendapat keuntungan dunia dengan mendapat hadiah dan duit sebagai ketua agama Yahudi dan Nasrani sama ada kepada pengikut mereka, pemerintah, dan negara di bawah takluk kerajaan mereka (Surah *al-Baqarah*, 2: 174).
- (4) Sanggup mengambil jalan sesat agama Yahudi dan Nasrani yang sudah dimansuhkan dengan kedatangan Nabi Muhammad SAW dan meninggalkan jalan kebenaran, iaitu jalan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW (surah *al-Baqarah*, 2: 175).
- (5) Sanggup dan bersedia disiksa dalam neraka yang kekal abadi untuk kesenangan yang sementara di dunia dengan kekal dalam agama yang sudah dimansuhkan. Sedangkan Allah SWT bersedia menerima taubat mereka jika mereka kembali berpegang kepada Kitab mereka dengan beriman kepada Nabi Muhammad SAW (surah *al-Baqarah*, 2: 175).
- (6) Berselisih pendapat dengan pertunjuk kitab mereka dan juga al-Quran. Sedangkan perselisihan mereka bukan untuk mencari kebenaran, tetapi untuk tidak mengikut kebenaran (surah *al-Baqarah*, 2: 176).

Akibat daripada perbuatan mereka itu mengakibatkan Allah SWT mengazab mereka dengan azab seperti berikut:

- (1) Allah SWT tidak ingin sama sekali untuk melihat mereka disebabkan dosa mereka yang sangat berat (surah *al-Baqarah*, 2: 174).
- (2) Mereka di seksa dengan api neraka dimarakan dalam perut mereka (surah *al-Baqarah*, 2: 174).
- (3) Mereka akan disiksa dengan azab yang sangat pedih (surah *al-Baqarah*, 2: 174).

Ringkasnya, perbuatan ahli kitab ini di sisi Allah SWT adalah merupakan perbuatan yang sangat keji dan jahat sehingga disebut oleh-Nya secara khusus dan terperinci. Begitu juga dengan azab yang mereka akan terima di alam akhirat nanti.

### ***Keburukan Ialah Sifat Terkeji***

Semua sifat terkeji yang dilarang oleh al-Quran dan hadis merupakan sifat keji dan ahlak buruk yang wajib dijauhi (Jasmi, 2018b, 2018c, 2018a, 2018d). Antara sifat terkeji ialah sifat yang disifatkan oleh al-Quran dan hadis, iaitu sifat orang munafik. Sifat mereka secara umumnya ada empat, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 33, 34, 2459, 2682, 2749, 3178, 6095; Muslim, t.th.: 58 & 59):

- (1) Suka berbohong.
- (2) Mungkir janji.
- (3) Mengkhinati amanah.
- (4) Suka bertelingkah dan mencari pasal.

Golongan munafik ini disiksa oleh Allah SWT dengan siksaan dalam neraka yang paling dalam disebabkan kejahatan mereka menipu-Nya dan umat Islam (Jasmi, 2018b, 2018c, 2018a, 2018d).

### **Jenis Kebajikan**

Umat Islam wajar mengetahui, memahami, dan mengamalkan pelbagai kebajikan yang dijelaskan oleh Allah SWT sebagai ikatan Islam dan kebajikan yang menyeluruh, iaitu terdiri daripada empat kumpulan jenis kebajikan yang terdiri daripada 10 perkara (surah *al-Baqarah*, 2: 177), iaitu kebajikan dalam beriman kepada rukun iman, kebajikan dalam melaksanakan rukun Islam, kebajikan dalam hubungan sosial sesama manusia, dan kebajikan dalam bersifat sabar.

### ***Kebajikan dalam Keimanan kepada Rukun Iman***

Keimanan dalam keimanan kepada rukun iman terdiri daripadanya enam rukun khususnya:

- (1) Beriman kepada Allah SWT. Tiada tuhan yang layak disembah melainkan-Nya.
- (2) Keimanan kepada Hari Akhirat.
- (3) Beriman kepada para malaikat. Duta Allah SWT dalam kalangan penduduk di langit yang ditugaskan dengan tugas di bumi.
- (4) Beriman kepada kitab yang diturunkan oleh Allah SWT. Mencakupi semua kitab yang pernah diturunkan oleh-Nya khususnya al-Quran dengan keyakinan bahawa al-Quran merupakan:
  - (a) Kitab terakhir yang terbaik dan paling lengkap dan mencakup semua kitab sebelumnya.
  - (b) Mengandungi pedoman buat umat manusia untuk kebahagiaan mereka sama ada di dunia lebih-lebih lagi di alam akhirat.
  - (c) Kitab yang menasakhkan semua kitab dan syariat yang terdahulu jika terdapat pertentangan dalam syariat.
  - (d) Kitab yang menganjurkan agar beriman kepada semua para nabi sehingga kepada Nabi Muhammad SAW yang merupakan nabi yang terakhir.

- (5) Beriman kepada para nabi dan Rasul, iaitu duta Allah SWT dalam kalangan penduduk di bumi.
- (6) Menjauhi diri daripada akidah yang rosak khususnya mensyirikkan Allah SWT (surah *al-Nazi'at*, 79: 18-19; surah *Fussilat*, 41: 6).

### ***Kebajikan dalam Melaksanakan Rukun Islam***

Termasuk juga dalam perkara kebajikan dalam Islam ialah melaksanakan rukun Islam selepas taklif atau selepas memeluk Islam dari segi:

- (1) Mendirikan solat, iaitu solat fardu dengan ciri berikut:
  - (a) Dilakukan dalam waktu yang ditetapkan.
  - (b) Menjaga rukun, syarat, dan adab.
  - (c) Menjaga kehusyukan dalam solat.
- (2) Mengeluarkan zakat khususnya zakat harta (Surah *Fussilat*, 41: 7). Ketika harta yang diwajibkan zakat sudah cukup haul dan nisabnya, maka harta ini diwajibkan zakat (Ibn Majah, 2009: 1789) kepada:
  - (a) Kerabat yang dekat, iaitu kerabat lelaki. Dalam Islam mengeluarkan zakat atau sedekah kepada mereka menyebabkan seseorang mendapat dua pahala, iaitu pahala kerana menjag hubungan silaturrahim dan pahala kerana sedekah (Ibn Zanjawiyyah, 1986: 1340; Al-Khara'iti, 1985: 118; 1999: 282)
  - (b) Anak yatim, iaitu mereka yang tidak mempunyai penghasilan, sedangkan bapa mereka meninggal dunia, mereka dalam keadaan lemah, masih kecil, dan berusia di bawah usia baligh serta belum mampu mencari mata pencarian (Al-Bazzar, 2009: 6243)
  - (c) Orang miskin, iaitu mereka adalah orang yang tidak dapat memperoleh apa yang mencukupi untuk keperluan hidup mereka seharian (Al-Bukhari, 2001: 1479; Muslim, t.th.: 1039).
  - (d) Orang yang bermusafir yang terputus bekalan agar mereka dapat kembali ke kampung halaman mereka dengan secukupnya. Syarat perjalanan adalah yang bertujuan syarak. Tetamu yang menginap dan menumpang di rumah seseorang Muslim boleh juga dikategorikan dengan kategori ini.

Rukun Islam merupakan amalan yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk dilakukan oleh umat Islam dan dalam kategori rukun ini terdapat amalan yang berkaitan juga dengan hubungan kepada Allah SWT dan hubungan antara manusia dengan seperti solat berjemaah, berzakat, dan pergi haji.

### ***Kebajikan dalam Rangka Hubungan Sosial Manusia***

Termasuk juga perkara kebajikan ialah menjaga kebajikan yang bersangkutan dengan hubungan sosial sesama manusia, iaitu:

- (5) Memberi kepada orang yang meminta, iaitu golongan yang sanggup memalukan dirinya untuk meminta-minta kepada orang ramai. Ketika orang ini meminta-minta, maka golongan ini berhak untuk diberi sesuatu sekalipun jika kita nampat mereka berkemampuan (Abu Dawud, 2009: 1665).
- (6) Bersedekah dengan harta yang disukai khususnya

- (a) Kepada kerabat terdekat dan golongan asnaf zakat. Kerabat yang dimaksudkan ialah kerabat sebelah lelaki Orang yang bersedekah kepada kerabat menjadikan seseorang itu diberikan dua pahala, iaitu pahala kerana hubungan silatulahim. (Ibn Zanjawiyah, 1986: 1340; Al-Khara'iti, 1985: 118; 1999: 282).
  - (b) Jika mempunyai sifat kedekut, sihat tubuh badan, takut menjadi miskin, dan bercita-cita ingin menjadi kaya (Al-Bukhari, 2001: 1419; Muslim, t.th.: 1032).
  - (c) Mengutamakan orang lain dalam bersedekah sekalipun diri sangat memerlukan perkara tersebut (surah *al-Hasyr*, 59: 9).
- (7) Menyempurnakan janji dan amanah (surah *al-Baqarah*, 2: 177; surah *al-Ra'd*, 13: 20) dan menjauhi sifat munafik.
  - (8) Memberi makan makanan yang disukai kepada kalangan orang yang miskin, anak yatim, dan tawanan perang (surah *Ali 'Imran*, 3: 92).
  - (9) Membantu hamba Mukatib yang ingin memerdekakan dirinya tetapi tidak cukup tebusan.

Hubungan sosial ini dikategorikan sebagai amalan sunat sama ada dalam bentuk sedekah dan hadiah seseorang kepada orang lain. Kewajipan memberi hadiah kepada orang yang meminta jika mereka dilihat mampu. Kewajipan memberi sedekah jika mereka dikategorikan sebagai golongan asnaf.

### ***Kebajikan dalam Bersifat dengan Akhlak Terpuji***

Termasuk dalam perkara kebajikan ialah menanamkan diri dengan akhlak yang terpuji antaranya:

- (1) Sifat sabar khususnya dengan cabaran dan ujian, iaitu (surah *al-Baqarah*, 2: 177):
  - (a) Menjadi fakir dan miskin;
  - (b) Sakit;
  - (c) Ketika peperangan yang sedang berkecamuk.
- (2) Membersihkan jiwa daripada segala akhlak yang rendah dan kotor (Surah *al-Shams*, 91: 9-10).

Ringkas, terdapat 10 perkara yang disebutkan merupakan ciri kebajikan yang penting dalam Islam. Kebajikan ini terdiri daripada rukun iman dan rukun Islam, dan hubungan sosial sesama manusia serta bersabar dalam kesukaran dan dalam peperangan. Semua orang yang beriman dan melakukan 10 perkara ini dianggap sudah beriman. Namun, syarat penting kepada keimanan itu ialah ketika melaksanakan kebajikan, dia menanamkan rasa cinta dalam hatinya terhadap amalan kebajikan yang dilakukan serta mengharapkan pahala. Manaka ketika mereka melakukan keburukan dan kejahatan, mereka melakukannya dengan dengan rasa benci terhadap kejahatan yang dilakukan dan takut azab daripada perbuatan tersebut (Ibn Abi Hatim, 1998: 1539; Al-Marwazi, 1986: 408).

Allah SWT bukan sahaja melihat perbuatan kebajikan yang dilakukan oleh manusia, tetapi apa yang lebih penting ialah adakah kebajikan yang dilakukan itu menyempurnakan sifat takwa seseorang hamba (surah *al-Hajj*, 22: 37).

## **RUMUSAN**

Berdasarkan perbincangan tafsiran ayat bahawa terdapat keburukan yang wajar dijauhi oleh umat manusia dan terdapat pula kebajikan yang wajar dipercayai dan diamalkan dalam kehidupan. Sifat yang dibincangkan merupakan sifat asas yang penting untuk umat

manusia jauhi agar mereka mendapat keselamatan bukan sahaja di dunia bahkan dalam kehidupan mereka di alam akhirat.

## RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. 2009. *Sunan Abi Dawud*. Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali (Ed.). Jld. 1-7. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Khara'iti, Muhammad. 1985. *Al-Muntaqa min Kitab Makarim al-Akhlag wa Ma'aliha Mahmud Tara'quba (Tahqiq: Muhammad Muti' al-Hafiz, Ghazwah Badir)*. Ayman 'Abd al-Jabir Al-Bahiri (Ed.). Damsyiq, Suriyya: Dar al-Fikr.
- Al-Khara'iti, Muhammad. 1999. *Makarim al-Akhlag wa Ma'aliha Mahmud Tara'quba*. Ayman 'Abd al-Jabir Al-Bahiri (Ed.). Jld. 1. Al-Qahirah: Dar al-Afaq al-Arabiyyah.
- Al-Marwazi, Muhammad. 1986. *Ta'zim Qadr al-Solah*. 'Abd Al-Rahman 'Abd Al-Jabbar Al-Fariwa'i (Ed.). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-Dar.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn Abi Yu'la, Ahmad 'Ali. 1984. *Musnad Abi Yu'la*. Husain Salim Asad (Ed.). Damsyiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1998. *Tafsir al-Quran al-A'zim (Tahqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din)*. Jld. Juz. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ibn Zanjawiyyah, Hamid. 1986. *Al-Anwal (Tahqiq: Shakir Zayb Fayyad)*. al-Sa'udiyah al-'Arabiyyah: Markaz al-Malik Faysal li Buhuth wa al-Dirasah al-Islamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Al-Baqarah (2: 6-16)*. Kertas Kerja dalam Siri 3: Program Budaya al-Quran. 2hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Surah al-Baqarah (2: 6-20)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Metode Pengajaran Terbaik untuk Golongan Fasiq: Surah al-Baqarah (2: 26-27)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018d. *Perumpamaan Indah Buat Sang Munafiq: Al-Baqarah (2: 17-20)*. Kertas Kerja dalam Siri 4: Program Budaya al-Quran. 9hb Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Kertas Kerja dalam Siri 33: Program Budaya al-Quran, 31hb Oktober 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Ciri Keburukan dan Kebajikan: Surah al-Baqarah (2: 174-177)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.



- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Halalan Tayyiban Asas Pemakanan Islam: Surah al-Baqarah (2: 168-173)*. Kertas Kerja dalam Siri 32: Program Budaya al-Quran, 21hb Oktober 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Halalan Tayyiban Asas Pemakanan Islam: Surah al-Baqarah (2: 168-173)*. Jld. 1-XX. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

## INDEKS



## BIODATA PENULIS

**Kamarul Azmi bin Jasmi** menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti artikel, sumbangan bab dalam artikel, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah artikel karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM.